

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)
- II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)
- III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

BIDANG

- i. Pendidikan Bahasa Melayu
- ii. Pendidikan Sejarah
- iii. Psikologi Pendidikan
- iv. TESOL

KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) atau Sarjana dalam bidang Pendidikan
- Berupaya untuk membuktikan tahap kecemerlangan dalam penyelidikan
- Calon yang mempunyai pengalaman industri/mengajar (sebagai guru atau pensyarah) dalam bidang berkaitan di atas akan diberi keutamaan
- Telah menghasilkan penerbitan makalah dalam jurnal berindeks atau penulisan bab dalam buku atau artikel dalam prosiding
- Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

SYARAT MINIMA

I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)

- a. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains – WoS, Bukan Sains WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan:
 - Sepuluh (10) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS /Scopus (Sains)
 - Lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS / Scopus (Bukan Sains)

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains - WoS, Bukan Sains - WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** kombinasi 5 penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM200,000 (Sains) / RM100,000 (Bukan Sains).
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.
- f. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM100,000 (Sains) / RM50,000 (Bukan Sains).
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **DAN** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains – WoS, Bukan Sains WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan:
 - Lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS /Scopus (Sains)
 - Tiga (3) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS / Scopus (Bukan Sains)

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains - WoS, Bukan Sains - WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000 (Sains) / RM50,000 (Bukan Sains).
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- f. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM40,000 (Sains) / RM20,000 (Bukan Sains).

- g. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **DAN** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/antarabangsa.

III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a. Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains – WoS/Scopus, Bukan Sains - WoS/Scopus/MyCite/ERA/Buku/Bab Dalam Buku) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*).
- b. Pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman dalam bidang industri minimum tiga (3) tahun

KRITERIA TAMBAHAN

- i. Menunjukkan sifat kreatif dan inovatif serta dedikasi yang tinggi sebagai seorang pendidik.

SPESIFIKASI TUGAS

- i. Melaksanakan tugas pengajaran dan penyeliaan pelajar
- ii. Menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan
- iii. Melibatkan diri dalam usaha memperoleh sanjungan dan kepimpinan akademik
- iv. Melaksanakan perundingan dalam bidang kepakaran
- v. Menyumbangkan khidmat kepada Universiti dan Masyarakat/komuniti.

CARA MEMOHON

Majukan secara emel butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **17 April 2026** kepada:

DEKAN
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang
Emel: dean_edu@usm.my

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.